

Warga Pendidikan Digesa Untuk Kembali Aktif Beraktiviti.



Labuan, 16 Okt – Sempena pelancaran Program Kecergasan Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan sempena Hari Sukan Negara 2021, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan telah melancarkan tiga aktiviti utama secara bersemuka dan hidbrid bersama seluruh warga pendidikannya. Pelancarannya telah dijalankan serentak diseluruh negara oleh YB Dato' Dr Mah Hang SOON Timbalan Menteri Pendidikan 1. Program ini telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi KPM, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Urus setia program secara bersemuka hibrid. Aktiviti Senamrobik yang diadakan dalam program ini telah disiarkan melalui Webinar, Youtube dan Facebook Live.

Lain pula situasinya di W.P. Labuan di mana penyertaan warga pendidikan dijalankan secara bersemuka memandangkan W.P. Labuan telah memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Seramai 50 orang warga guru telah mengikuti aktiviti berkanu sejauh 7 km di sepanjang persisiran pantai, 50 orang mengikuti senam robik di Pusat Kokurikulum.

Manakala 30 orang lagi yang terdiri dari barisan pengurusan tertinggi dan urus setia serta 100 murid terpilih dalam kalangan murid sekolah menengah telah mengikutinya secara hidbrid di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP).



Peserta Senamrobik- Di Pusat Kokurikulum Negeri.

Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Yusup bin Hj. Mohamad, menegaskan bahawa sudah tiba masanya bagi semua warga pendidikan untuk kembali cergas bagi mengharungi 3 Peringkat Pembukaan Sekolah bermula pada 4 Okt, 18 Okt dan 1 November 2021. Semua jurulatih sukan dalam kalangan guru-guru sendiri sudah boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dalam merencana periodisasi dalam sukan masing-masing yang meliputi aspek kecergasan, kemahiran teknikal dan taktikal serta psikologi sukan. Perkara ini sudah pun dimesyuaratkan dan tindakan telah pun diambil oleh Sektor Pembangunan Murid yang diterajui oleh Timbalan Pengarahnya En. Abdul Rahman hj Ahmad. Sejak April tahun 2020 para pendidik sentiasa berfikir untuk mengurangkan jurang keciciran dalam aspek pembelajaran. Kini para jurulatih sukan perlu menyusun strategi agar kita juga tidak keciciran dari aspek potensi dan bakat murid.

Menurut En. Samsul bin Mandisin Ketua Penolong Pengarah Unit Bakat Murid, sejak Labuan telah diumumkan selamat dan memasuki fasa 4 Pelan Pemulihan Negara Jabatan Pendidikan W.P. Labuan bersama rakan strategi mereka Jabatan Belia dan Sukan telah merangka pelbagai program dalam mengembalikan gaya hidup sihat warga Labuan. Sehinggan tawaran hebat telah diberikan oleh JBS terhadap Sekolah Sukan Negeri SMK Mutiara bagi penggunaan kemudahan mereka. Walaupun begitu, pematuhan terhadap SOP masih diperketatkan di mana semua peserta yang terlibat mestilah telah lengkap menerima dua dos vaksin Covid-19 melalui aplikasi MySejahtera.

Peserta kayak telah berjaya dilepaskan oleh YB. Senator Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias Ahli Dewan Negara tepat jam 6.45 pagi di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Aktiviti berakhir pada 5.00 petang dan semua peserta berjaya mematuhi SOP dengan segera beredar meninggalkan tapak aktiviti sejurus selesainya program.



Yb Senator Datuk Hj. Bashir Bin Hj. Alias – Melepaskan Peserta Kayak



Peserta Kayak – Di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan



Barisan Guru-Guru Yang Menyertai Aktiviti Kayak – Berehat sebentar di Pantai Nagalang

Berita oleh : Sektor Pembangunan Murid